

# USIM anjur seminar fiqh pergigian

**Nilai:** Fakulti Pergigian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Seminar Kebangsaan Fiqh pergigian pada 9 Mei depan di Dewan Besar USIM, di sini.

Ia bertujuan merungkai permasalahan mengenai hukum hakam dalam rawatan pergigian serta diskusi ilmu dalam kalangan

pakar pergigian dan pakar fiqh dengan harapan dapat memberikan ilmu dan keyakinan kepada masyarakat Islam.

Kira-kira 1,000 pensyarah, pakar, pegawai pergigian dan orang awam dijangka menghadiri seminar berkenaan.

Dekan Fakulti Pergigian USIM, Dr Haslinda Ramli, berkata program integrasi

itu mampu melahirkan doktor gigi cemerlang dan seimbang

"Doktor gigi kelahiran USIM mampu menandingi dan setaraf dengan doktor gigi graduan universiti lain, malah USIM adalah universiti pertama di Malaysia yang dibina berkonsepkan integrasi naqli (nas) dan aqli (akal)," katanya.

Orang ramai yang berminat menyertai seminar boleh menghubungi Fakulti Pergigian USIM di talian 0342892566 atau e-mail drhaslinda@usim.edu.my.